# Contoh Soalan Temuduga Untuk Fresh Graduate

**Baiklah…** Untuk sebelum ni. saya ada kongsikan soalan soalan lazim bila anda datang temuduga. Memang bagus anda praktis soalan soalan yang macam ni. Ibarat macam sudah menjadi soalan bocor kan.

Tapi itu soalan yang lebih bersifat general.

Sekarang, post yang ini. saya nak kongsikan soalan khas yang akan ditanya andai kata anda ni masih lagi fresh graduate pula.

Beza Soalan Yang Sudah Bekerja Dengan Fresh Graduate.

Sudah pasti melalui pengalaman yang diraih. Penemuduga memang lebih berminat untuk tahu pengalaman apa yang anda ada. Adakah pengalaman tu betul betul seakan jawatan kosong yang diorang nak bagi.Kalau tak 'seakan' pun. Mereka akan cuba 'sipi-sipi'. Cuba cari juga aktiviti yang sama.

Tapi sebabkan anda tiada pengalaman, fresh graduate. Sudah pasti focus perbualan temuduga lebih ke arah background study anda. + Plus juga dengan sikap + perangai + cara anda.

Semua 3 point ini memang boleh hanya dikenal pasti dengan cara anda bertutur.

Oh ya..Tempat latihan industri pun main perasanan penting..

Itu sebab kena pilih tempat nak buat latihan industri betul betul…

***saya baru perasan, rupanya satu pun tips latihan industri saya tak buat, nanti saya akan linkkan di sini ya…

Ok lah. Kita terus kan dengan soalan soalan nya pula….

## 1. Apakah kekuatan anda

Bila anda jawab soalan macam ni, berdasarkan artikel karangan dari TheMuse. Jangan beri jawapan yang membuta tuli. Sebaliknya, buatkan jawapan anda itu relevant dan specific dengan jawatan yang dipinta.

Selepas tu, tambahkan lagi kekuatan point anda dengan contoh contoh yang boleh membantu.

Seperti contoh, katakan saya jawab ‘ kekuatan saya ialah, saya memang sudah ada 3 tahun pengalaman menggunakan mesin A. saya percaya mesin A memang banyak digunakan di Syarikat sekarang ini kan?”

Ok itu dia contoh untuk point kekuatan.

Sekarang, tengok pula cara saya tambah point contoh, untuk kuatkan lagi motif saya tadi..

“dalam 3 tahun saya berpengalaman mengendalikan mesin A, saya bukan sahaja terlibat dengan meningkatkan mutu produk, malah ada juga terlibat dalam meningkatkan kualiti pengeluaran yang dihasilkan oleh mesin A”.

Lebih kurang macam tu lah.

Apa apa pun, ayat saya memang penuh dengan kencingan. Sebab saya nak bagi contoh.

Saya tahu, memang nampak mudah. Tak pa. slow slow..cuba bersedia dengan soalan seperti ini.

## 2. Apakah pula kelemahan anda

Kalau bicara tentang kelemahan, sudah pasti jangan lah kongsikan perkara yang failed sahaja. Nanti macam mana nak dapat kerja? Sebaliknya, cuba selitkan dengan usaha usaha yang anda sudah buat untuk perbaiki kelemahan anda.

Seperti contoh saya sendiri.

Memang tak berapa reti sangat nak mencari kawan tau. Saya lebih suka duk tepi meja, dan fikirkan apa penulisan blog saya yang seterusnya.

Ini benda serius ni. saya memang suka macam ni. bukan lah tak sembang langsung. Cuma saya akan selitkan masa saya untuk hal hal ni.

Apa pun. Mungkin ayat yang saya boleh bagi contoh ialah..

"kelemahan saya sebenarnya ialah bergaul. Bukan lah saya tak reti berkawan. Tapi untuk permulaan mungkin saya agak susah sikit untuk rapat dengan orang lain. Tapi lama kelamaan, setakat ni, untuk previous working environment. Saya tak rasa kawan ada masalah dengan saya. Cuma mungkin perlukan masa sikit untuk berkenalan dan bergaul dengan baik".

Ok? Lebih kurang…

Baru point kedua. Tapi dah 550 patah perkataan dah ni. tak pe, kita teruskan lagi…

## 3. Tell us about your major study

Soalan ni, memang confirm kena tanya. Time ni, kalau pointer OK, boleh lah dagangkan pointer anda tu. saya pointer tak OK. So senyap je la bahagian ni. rasanya masa fresh graduate punya resume saya langsung tak mention tentang pointer.

Selebihnya, anda kongsikan lah apa relatenye kos yang anda ambil tu dengan jwatan yang dipinta.

## 4. Tell us about your last industrial training

Point ini adalah saya boleh kata paling PENTING bin IMPORTANT. Itu sebab latihan industri kena pilih company dengan betul. Supaya anda dapat foundation yang baik. Expose dengan alam pekerjaan.

Ingat ya, time belajo, kalau tak siap koje. Kalau tak faham, anda masih lagi ada masa balik, malam tu study. Boleh tanya

kawan..

Tapi bila time keje, kadang kadang bos tak boleh terima semua benda tu.

Contoh macam tadi. Baru sahaja…8 September 2017.

Nak jadikan cerita, ada lebih…

1

2

3

4

5

…hah lebih dekat 5 tool yang down under kawasan saya untuk jaga kualiti. Saya down kan sebab nak cek kualiti lah. Sebab dapat feedback dari modul atau proses dihadapan nya macam terlepas defect. So saya terpaksa stop production output dan verify lot yang current running.

Bila kita buat macam ni. Team Production, Bos Bos bahagian production, memang tunggu masa je nak complain. Kenapa down lama. So, saya kena buat tindakan dengan cepat. Supaya tool atau mesin production saya dapat UP atau release dengan cepat.

Harap anda faham lah maksud saya..macam tu la lebih kurang…

Anyway, kongsikan pengalaman kerja latihan industri anda dengan baik. Kalau diorang tak tanya pun, anda selitkan juga.

## 5. What do you know about the company?

Yang ini memang boleh kata PASTI tanya juga. Tak perlu tau detail, kecuali kalau anda pergi temuduga dengan badan kerajaan macam TNB. Itu anda ada baiknya tau lebih detail sikit.

Kalau swasta, cukup lah. Produk apa yang dibuat. Dari bahan apa. Untuk apa semua tu. surface surface sudah cukup… tapi kalau memang sudah ada pengalaman, bagi la ayat yang best sikit…

**6. What are your hobbies?**

**7. Do you love playing games**

Alright, selebih nya soalan simple macam 6 and 7 ni. yang 7 tu saya pernah ditanya sekali sahaja seumur hidup saya kalau tak silap. Mungkin dia nak test sifat saya ni macam mana.

Apa apa pun. Kipidap. Kalau tak faham, tinggalkan komen. Nanti saya terangkan..